

(6 Mei 2021) Kosmo, p.5

# KL kena PKP Jumaat ini hingga 20 Mei

Oleh LUQMAN RIDHWAN

MOHD. NOR

**PETALING JAYA** — Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula esok sehingga 20 Mei hadapan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, prosedur operasi standard (SOP) bagi PKP yang akan dilaksanakan itu adalah sama seperti diumumkan sebelum ini.

Beliau berkata, pergerakan merentas negeri adalah tidak dibenarkan, kecuali atas urusan kerja dan keemasan.

"Premis makanan seperti restoran, food truck, penjaja dan kios dibenarkan beroperasi dari pukul 6 pagi sehingga 12 tengah malam sahaja.

"Bagaimanapun, dine-in di kedai makan adalah tidak dibenarkan. Makanan haruslah dibungkus untuk dibawa pulang sahaja," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, kedai runcit, serbaneka dan keperluan harian serta farmasi juga dibenarkan beroperasi dari 6 pagi sehingga 10 malam.

Menurut beliau, stesen minyak dibenarkan beroperasi dari 6 pagi sehingga 10 malam, namun stesen minyak di lebuh raya dibenarkan beroperasi 24 jam.

Selain itu, katanya, hospital, klinik dan makmal perubatan boleh beroperasi seperti biasa.

Untuk operasi pasar harian, pasar tani, pasar awam dan pasar minggu dibenarkan beroperasi dari 6 pagi hingga 2 petang.

"Bazar Ramadan di kawasan PKP masih dibenarkan beroperasi mengikut SOP ketat. Bagaimanapun, keputusan untuk meneruskan ataupun menutup operasi bazar adalah tertakluk



**WILAYAH Persekutuan Kuala Lumpur akan dikenakan PKP bermula Jumaat ini hingga 20 Mei depan.** — GAMBAR HIASAN

## COVID-19

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
Kes baharu	<b>3,744</b>
Import:	<b>7</b>
Tempatan:	<b>3,737</b>
Pulih	<b>2,304</b>
Kematian	<b>17</b>
Masih dirawat	<b>32,939</b>
Jumlah kes sembah	<b>389,846</b>
Jumlah Kematian	<b>1,591</b>
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>424,376</b>

di bawah kuasa kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan," katanya.

Menurut Ismail Sabri, keputusan melaksanakan PKP tersebut adalah ekoran kewujudan 17

kluster baharu yang direkodkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak 1 hingga 27 April lalu, selain kes harian dilaporkan semakin meningkat.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan hariannya menyatakan kes harian sebanyak 3,744 kes yang disumbangkan oleh 99 kluster, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 424,376 kes.

"Kes aktif meningkat kepada 32,939 kes dengan 328 kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 185 kes memerlukan bantuan pernafasan," ujarnya.

Tambahnya, 17 lagi kes kematian dilaporkan di Selangor, Johor, Perak, Sarawak, Kelantan dan Negeri Sembilan melibatkan tujuh lelaki dan 10 wanita berusia antara 42 hingga 84 tahun, menjadikan sebanyak 1,591 kes kematian Covid-19.

"Selangor catat kes tertinggi 1,548 kes dengan 1,051 kes diikuti Kelantan dan Sarawak," ujarnya.